

﴿ KHUTBAH 7 ﴾

AZAB DISEBALIK PENSYARIATAN IBADAH ZAKAT

Dr. Mohd Kassim Tusin

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنْ تَمَسَّسَكُمْ حَسَنَةٌ تَسُوهُمَ وَإِنْ تُصِيبَكُمْ سَيِّئَةٌ يَفْرَحُوا بِهَا وَإِنْ تَصَبَرُوا

وَتَتَّقُوا لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ تُنْجِي قَائِلَهَا مِنْ

عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ

إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah....

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian agar sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-

Nya agar kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran [3] : 102)

Mimbar pada kali ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“AZAB DISEBALIK PENSYARIATAN IBADAH ZAKAT”**.

Sidang Jumaat Yang Di Rahmati Allah....

Zakat mula difardhukan pada tahun ke-2 Hijrah. Pensyariatan ini menjadikan zakat rukun Islam yang ke-4 selepas Mengucap dua Kalimah Syahadah, Solat 5 Waktu dan Puasa di Bulan Ramadan. Ini bererti hukum menunaikan semua jenis zakat yang telah sampai haul dan nisabnya adalah fardu ain dan telah disabitkan menerusi dalil-dalil al-Quran, hadis dan ijmak ulamak.

Firman Allah s.w.t;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya:

“Dirikanlah Solat dan tunaikanlah zakat dan rukuklah kamu bersama orang-orang yang rukuk.”

(QS al-Baqarah [2] : 43)

Perintah yang tegas seperti ini diulangi melebihi 30 kali dalam al-Quran, menggambarkan betapa kedudukan zakat yang sangat penting dalam syariat Islam. Jumhur Ulama sepakat menyatakan bahawa orang yang mengingkari dan tidak mengakui zakat itu wajib, adalah kafir dan sudah keluar dari Islam. Imam Nawawi r.a dalam kitabnya al-Majmukmenjelaskan bahawa:

“Bila seseorang itu mengingkari wajibnya zakat kerana dia belum mengetahuinya dengan sebab hidup pada masa Islam baru tersebar atau tinggal jauh di pedalaman (tidak sampai seruan dakwah), maka ia tidaklah dinilai kafir tetapi harus diterangkan dan diberi pendedahan kepadanya terlebih dahulu bahawa zakat itu wajib lalu baru dipungut zakatnya. Bila dia tetap mengingkarinya (setelah diberi penerangan) barulah ia dihukum kafir. Tetapi bila orang itu hidup di tengah-tengah umat Islam, maka dia dihukum kafir dan diperlakukan sebagai orang-orang murtad yang harus diberi hukuman. Oleh kerana wajibnya zakat ini sudah diketahui oleh umum, yang mengingkari wajib zakat ini dinilai sama seperti tidak mengakui Allah dan Rasul-Nya dan mereka ini dihukum kafir.”

Sidang Jumaat yang Sama-Sama Berbahagia.....

Sesungguhnya harta merupakan ujian Allah kepada manusia sepanjang hidupnya. Manusia pula, semasa mendapat harta yang berlimpah, mempunyai karenah yang pelbagai , ada yang bersyukur dan ada pula yang tidak lulus dalam menghadapi ujian ini. Allah s.w.t berfirman;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ



Maksudnya;

“Dan ketahuilah, bahwa harta-hartamu dan anak-anakmu itu hanya sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allah pahala yang sangat besar”.

(QS al-Anfal [8] : 28)

Memandangkan betapa pentingnya ibadah zakat dalam syariat Islam, sudah pasti pensyariatannya diiringi dengan pelbagai nikmat dan ganjaran yang besar yang dijanjikan oleh Allah bagi mereka yang menunaikannya. Begitu juga sebaliknya, tersedia azab yang sangat pedih dan dahsyat akan ditimpakan kepada mereka yang mengingkari syariat tersebut.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah.....

Bagi mereka yang enggan menunaikan zakat, Allah telah menjanjikan beberapa azabsama ada semasa di dunia ini lagi mahu pun di akhirat kelak. Antara azab yang dijanjikan itu adalah;

Pertama : harta yang tidak dizakat merupakan harta yang kotor dan mengandungi kejahatan. Harta tersebut masih bercampur dengan hak atau bahagian orang lain terutama pada fakir miskin. Sekiranya masih juga disimpan atau dibelanjakan seperti untuk makanan, kenderaan, pakaian dan seumpamanya, dikhuatiri akan menimbulkan kecelakaan dan musibah kepada tuannya. Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya:

مَنْ أَدَّى زَكَاةَ مَالِهِ ذَهَبَ عَنْهُ شَرُّهُ

Maksudnya:

“Sesiapa yang menunaikan zakat hartanya, nescaya hapuslah segala apa jua yang merosakkan hartanya.”

(HR al-Tabrani)

Azab yang kedua : Harta yang tidak dikeluarkan zakat akan dikalungkan di leher pada hari kiamat. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ
 هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخَلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ
 وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾

Maksudnya:

“Sekali-kali janganlah orang-orang yang bakhil dengan harta yang Allah berikan kepada mereka dari kurnia-Nya menyangka, bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Harta yang mereka bakhilkan itu akan dikalungkan di lehernya kelak pada hari kiamat. Dan kepunyaan Allah segala warisan (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

(QS Ali Imran [3] : 180)

Azab yang ketiga : harta yang tidak dikeluarkan zakatnya akan diubah oleh Allah pada hari Kiamat menjadi seekor ular jantan yang beracun lalu menggigit atau memakan pemiliknya.

Hal ini sebagaimana disebutkan dalam hadis Rasulullah s.a.w;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ
 آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَلَمْ يُؤَدِّ زَكَاتَهُ مِثْلَ لَهُ مَالُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شُجَاعًا أَفْرَعَ لَهُ
 زَيْبَتَانِ يُطَوَّقُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ يَأْخُذُ بِلَهْزِمَتَيْهِ يَعْنِي بِشِدْقَيْهِ ثُمَّ يَقُولُ أَنَا
 مَالِكَ أَنَا كَنْزُكَ

Maksudnya:

“Dari Abu Hurairah, berkata, Rasulullah s.a.w bersabda: “Barangsiapa diberi harta oleh Allah, lalu dia tidak menunaikan (kewajiban) zakatnya, pada hari kiamat hartanya dijadikan untuknya menjadi seekor ular jantan aqra’ (yang kulit kepalanya gondol kerana di kepalanya terkumpul banyak racun), yang bertaring di dua sudut mulutnya. Ular itu dikalungkan (di lehernya) pada hari kiamat. Ular itu memegang (atau menggigit tangan pemilik harta yang tidak berzakat tersebut) dengan kedua sudut mulutnya, lalu ular itu berkata, “Saya adalah hartamu, saya adalah simpananmu”.”

(HR al-Bukhari)

Azab yang keempat : tubuh orang yang tidak mengeluarkan zakat akan dibakar (dipanggang) di dalam neraka Jahanam dengan hartanya sendiri yang telah dipanaskan. Firman Allah s.w.t:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾ يَوْمَ تَحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا
جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا
كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka Dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.(laitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka Jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil

dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu."

(QS al-Taubah [9] : 34-35)

Dalam hadis yang lain pula, Rasulullah s.a.w bersabda:

مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ فَأُحْمِيَ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ

Maksudnya:

"Tidak ada seorang pun pemilik emas dan perak yang tidak menunaikan hak (zakat) daripada emas dan perak, kecuali pada hari Kiamat akan dihamparkan kepingan-kepingan daripada api, kemudian kepingan-kepingan itu dipanaskan di dalam neraka Jahanam, kemudian dengan kepingan-kepingan itu dibakar dahi dan punggungnya. Setiap kali kepingan itu menjadi dingin, ia kembali dipanaskan untuknya. (Di akhirat) sehari kadarnya dengan 50 ribu tahun."

(HR Muslim)

Azab yang kelima : peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w juga menperingatkan akan azab yang ditanggung oleh orang-orang yang tidak menunaikan zakat. Dalam peristiwa tersebut, Rasulullah s.a.w telah diperlihatkan satu kaum yang hanya menutup kemaluan (dubur dan qubul mereka) dengan tampalan (secebis kain sahaja) dan mereka dihalau seperti binatang ternakan ke tempat pohon-pohon kering, buah zaqqum dan batu panas neraka jahanam. Apabila Baginda s.a.w bertanya siapakah mereka itu maka Jibril a.s menjawab bahawa mereka adalah orang-orang yang tidak menunaikan zakat harta mereka.

Azab yang keenam : adapun di dunia ini salah satu akibat daripada kelalaian membayar zakat akan menyebabkan harta yang dikumpulkan oleh pemiliknya lenyap secara beransur-ansur tanpa disedari olehnya. Ini kerana bahagian harta yang sepatutnya dikeluarkan zakat akan menjadi agen pemusnah kepada harta itu sejajar dengan sabda Rasulullah s.a.w:

مَا تَلَفَ مَالٌ فِي بَرٍّ وَلَا بَحْرٍ إِلَّا بِحَبْسِ الزَّكَاةِ

Maksudnya:

"Tidak binasa sesuatu harta benda, sama ada di darat atau di laut, melainkan disebabkan harta itu tidak dikeluarkan zakatnya."

(HR al-Tabari)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....

Marilah kita sama-sama menyedari, bahawa harta merupakan barang titipan atau pinjam-pinjaman, yang harus digunakan sebagaimana yang diatur serta dikehendaki oleh Pemiliknya yang sebenar (iaitu Allah s.w.t). Kita juga perlu menginsafi bahawa bila sampai waktunya segala harta itu akan diambil kembali oleh-Nya. Semoga kita termasuk dalam golongan yang sentiasa menginfakkan harta di jalan yang direcai oleh Allah, terutamanya berzakat.

بَارِكِ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.